

# DYNA FERROUS FUMARATE TABLET

Ferrous Fumarate (200 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Ferrous Fumarate
2. Bagaimana Dyna Ferrous Fumarate berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Ferrous Fumarate
4. Cara menggunakan Dyna Ferrous Fumarate
5. Semasa menggunakan Dyna Ferrous Fumarate
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Ferrous Fumarate
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dyna Ferrous Fumarate

Digunakan untuk rawatan pencegahan anemia kekurangan zat besi (kekurangan zat besi menjejaskan perkembangan sel darah merah dan menyebabkan pengurangan jumlah sel darah merah yang terdapat di dalam badan).

## Bagaimana Dyna Ferrous Fumarate berfungsi

Zat besi biasanya terdapat dalam makanan dan adalah diperlukan untuk perkembangan sel darah merah yang normal.

## Sebelum menggunakan Dyna Ferrous Fumarate

- *Bila tidak boleh menggunakan*  
Jangan gunakan Dyna Ferrous Fumarate jika anda mempunyai masalah kesihatan seperti zat besi yang terlalu banyak.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Tiada laporan berkaitan kesan-kesan advers ubat.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dyna Ferrous Fumarate.

- *Sebelum mula menggunakan Dyna Ferrous Fumarate*

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah- masalah berikut:

- Penyalahgunaan alkohol

- Alergi
- Asma
- Masalah fungsi hati terjejas
- Penyakit buah pinggang
- Penyakit atau ulser perut atau usus
- Arthritis rheumatoid (radang sendi)
- Sensitif pada zat besi atau bahan kandungan lain yang disenaraikan di risalah ini
- Gangguan penyimpanan atau penyerapan zat besi
- Sel darah merah yang tidak normal
- *Jika mengambil ubat-ubat lain*  
Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil:
  - Acetohydroxamic acid (merawat jangkitan saluran kencing)
  - Alkohol
  - Tetracyclines dan chloramphenicol (antibiotik)
  - Etidronate (digunakan untuk rawatan osteoporosis)
  - Penicillamine atau trientine (merawat artritis rheumatoid)
  - Pancreatin atau pancrelipase (merawat masalah penghadaman)
  - Chelating agents seperti Dimercaprol (rawatan untuk keracunan logam berat)
  - Antasid
  - Suplemen kalsium atau zat besi; dan

Ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Garam zat besi perlu diambil 2 jam sebelum atau 3 jam selepas tetracycline.

Terapi zat besi oral tidak boleh digunakan bersamaan dengan suntikan zat besi.

## Cara menggunakan Dyna Ferrous Fumarate

- *Berapa banyak harus digunakan*  
2 hingga 3 tablet setiap hari, dalam dos yang dibahagikan, atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*  
Teruskan penggunaan Dyna Ferrous Fumarate untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*  
Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Pengambilan zat besi berlebihan boleh menyebabkan kesan hakisan pada lapisan membran mukus gastro-usus. Simptom-simptom termasuk seperti sakit epigastrik, cirit-birit, loya, muntah-muntah dan muntah darah. Kegagalan peredaran darah boleh terjadi jika cirit-birit dan pendarahan yang teruk berlaku. Selepas beberapa jam atau hari kemudian, selepas pemulihan ketara, asid berlebihan dalam badan, sawan, dan koma mungkin berlaku.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Dyna Ferrous Fumarate

- *Perkara yang perlu dilakukan*  
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Ferrous Fumarate.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*  
Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

# DYNA FERROUS FUMARATE TABLET

Ferrous Fumarate (200 mg)

---

Jangan beri Dyna Ferrous Fumarate kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
Garam zat besi tidak boleh diberi jika anda sedang menerima transfuse darah atau mempunyai anemia.

## **Kesan-kesan sampingan**

Kesan-kesan sampingan Dyna Ferrous Fumarate kadang-kadang menyebabkan iritasi gastro-usus dan kesakitan pada abdomen dengan berasa loya, muntah-muntah, cirit-birit atau sembelit.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Ferrous Fumarate**

### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak  
Lindungi daripada cahaya  
Simpan di tempat kering di bawah 30°C  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Untuk kegunaan oral sahaja

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Tablet berwarna coklat berbentuk bulat, dwi-cembung dan bergaris, bersalut lapisan filem.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Ferrous Fumarate

- Bahan-bahan tidak aktif

Magnesium Stearate, Aerosil 200, Sodium Starch Glycolate, White Base, Microcrystalline Cellulose, Opadry II Brown #85G86761 & Purified Water.

### - Nombor MAL

MAL19971382XZ

## **Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

14/09/2018

## **Nombor siri:**

NPRA(R4/1)130918/00257